

Gaji pengawal keselamatan antara RM500-RM700

PETALING JAYA 29 April – Hasrat pengawal keselamatan untuk menikmati gaji pokok yang lebih tinggi mungkin tidak kesampaian walaupun Akta Majlis Penetapan Gaji (Perintah Peraturan Gaji) mengenai pengawal keselamatan bagi tahun 2010 akan dikuatkuasakan mulai 1 Julai ini.

Menurut Pengarah Eksekutif Per-

sekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan, dalam akta itu, gaji minimum bagi pengawal keselamatan adalah dalam lingkungan RM500 dan RM700 mengikut lokasi geografi yang telah ditetapkan dalam Jadual Sub Perenggan 2 (1).

Katanya, perintah itu ternyata bercanggah dengan pengumuman Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S.

Subramaniam pada 22 April lalu mengenai gaji pokok pengawal keselamatan yang akan dinaikkan antara RM1,100 dan RM1,450.

Shamsuddin berkata, pengumuman kerajaan itu menimbulkan kekeliruan di kalangan majikan tetapi pada masa yang sama memberi harapan tinggi kepada para pengawal keselamatan.

“Bagaimanapun sebenarnya, melalui perintah berkuatkuasa Julai itu nanti, kadar gaji yang akan dilaksanakan tersebut tidaklah setinggi yang diumumkan (oleh kerajaan) sebelum ini.

“Maka firma-firma kawalan keselamatan berdaftar di bawah Seksyen 3 Akta Agensi Swasta 1971 merasa sedikit lega kerana tidak akan dibebani pe-

ningkatan kos secara mendadak,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sebelum ini, beberapa firma keselamatan meminta kerajaan menyediakan satu mekanisme bagi membantu firma yang kurang mampu dalam menampung kenaikan gaji baru yang dianggap membebankan itu.

Shamsuddin berkata, kenyataan awal yang dikeluarkan oleh menteri

itu menimbulkan pelbagai masalah terutama kepada syarikat kawalan keselamatan yang tidak jelas dengan kenyataan tersebut.

Bagaimanapun, ketetapan yang termeterai dalam perintah baru tersebut pastinya akan mengecewakan kira-kira 150,000 pengawal keselamatan yang menaruh harapan untuk menikmati kenaikan gaji tersebut.